



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

NASIHAT DARI MIMBAR

Tarikh Dibaca :

**5 SAFAR 1444H/
2 SEPTEMBER 2022M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



جَاهِدَةٌ كَمَا جَاءُوا فِي إِسْلَامِ مَلَيْسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

NASIHAT DARI MIMBAR

5 SAFAR 1444H / 2 SEPTEMBER 2022

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿ أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴾

وَالْعَصْرِ ۱ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ۚ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ
وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ۢ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ
اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keberkatan dan keredhaan serta perlindungan daripada Allah SWT di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk: **“Nasihat Dari Mimbar”**.

Sebelum itu, khatib ingin menyeru kepada seluruh umat Islam untuk terus mengimarahkan masjid, melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi munkar* serta memelihara hubungan silaturrahim. Panjatkan doa buat saudara-saudara kita yang ditindas terutamanya di Palestin dan teruslah bertaubat serta bermunajat kepada Allah SWT agar kita dapat menempuh fitnah dunia yang semakin mencabar dan menyelamatkan kita dari fitnah dajjal.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Islam merupakan cara hidup yang sangat dekat dan sesuai dengan fitrah manusia. Fitrah manusia pula sememangnya memerlukan hiburan dalam kehidupan mereka. Islam tidak menghalang umatnya untuk berhibur. Namun perlu mengikut cara dan tidak melanggar batasannya.

Imam al-Bukhari merekodkan dalam satu hadis, menceritakan tentang kisah Ummu Mukminin, A'isyah binti Abu Bakar radhiallahu anha berhibur dengan mendengar lagu yang dinyanyikan oleh biduanita daripada wanita Ansar. Rasulullah SAW membiarkan A'isyah RA mendengar lagu tersebut hinggalah A'isyah RA sendiri berasa cukup dan berlalu dari situ. Selain itu juga, Rasulullah SAW juga berhibur melalui permainan, salah satunya lumba lari bersama isterinya. Hal ini menunjukkan bahawa baginda meraikan hiburan yang berbentuk sederhana.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sejak kebelakangan ini, terlalu banyak konsert dan acara hiburan seperti pertunjukan fesyen dan lain-lain lagi yang dibuat di negara kita. Situasi ini bukanlah sesuatu yang menggembirakan hati orang-orang Mukmin. Manakan tidak, banyaknya impak negatif yang boleh terhasil daripada penganjuran konsert dan acara hiburan sebegini. Dari acara-acara sebegini, pastinya berlaku percampuran antara lelaki dan wanita tanpa batasan. Selain itu, aurat juga terdedah dan menjadi tatapan umum ditambah dengan kecanggihan teknologi yang mempercepatkan lagi penyebarannya.

Kita sepatutnya berasa sangat bimbang kerana Allah SWT telah memberikan bermacam bentuk peringatan dan teguran kepada kita. Wabak penyakit, krisis ekonomi dan makanan di seluruh dunia, tanda-tanda kiamat dan lain-lain lagi telah banyak nyata di hadapan kita. Allah SWT juga telah memberikan peringatan akan menurunkan azab-Nya ketika manusia sedang leka dan bersenang hati melanggar perintah-Nya. Firman Allah SWT dari Surah al-A'raaf ayat 97-99:

أَفَأَمِنَ أَهْلُ الْقُرَىٰ أَنْ يَأْتِيَهُمْ بَأْسُنَا بَاتِيَةً وَأَمِنَ أَهْلُ الْقُرَىٰ أَنْ يَأْتِيَهُمْ بَأْسُنَا

ضَحَىٰ وَهُمْ يَلْعَبُونَ ۗ أَفَأَمِنُوا مَكْرَ اللَّهِ ۗ فَلَا يَأْمَنُ مَكْرَ اللَّهِ إِلَّا الْقَوْمُ الْخَاسِرُونَ ۙ

Maksudnya: *“Patutkah penduduk negeri-negeri itu (bersedap hati) serta berasa aman daripada kedatangan azab Kami kepada mereka pada malam hari, semasa mereka sedang tidur? Atau patutkah penduduk negeri-negeri itu (bersedap hati) serta berasa aman daripada kedatangan azab Kami kepada mereka pada siang hari, semasa mereka sedang leka bermain-main? Patutkah mereka (bersuka ria) sehingga mereka berasa aman akan rancangan buruk (balasan azab) yang diatur oleh Allah? Kerana sebenarnya tidak ada yang berasa aman dari rancangan buruk (balasan azab) yang diatur oleh Allah itu melainkan orang-orang yang rugi”.*

Iniilah juga kebimbangan yang disuarakan oleh Baginda Rasulullah SAW melalui hadisnya:

لَتَتَّبِعَنَّ سَنَنَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ، شَبْرًا بَشِيرًا وَذِرَاعًا بِذِرَاعٍ، حَتَّىٰ لَوْ دَخَلُوا فِي بَحْرِ ضَبٍّ لَا تَبْعَمُوهُمْ. قُلْنَا: يَا رَسُولَ اللَّهِ الْيَهُودَ وَالنَّصَارَىٰ؟ قَالَ: فَمَنْ

Maksudnya: *“Sungguh kamu akan mengikuti jalan orang-orang sebelum kamu sejengkal demi sejengkal dan sehasta demi sehasta sampai jika orang-orang yang kamu ikuti itu masuk ke lubang dhab (yang sempit sekalipun), pasti kamu pun akan mengikutinya”. Kami (para sahabat) berkata, “Wahai Rasulullah! Apakah yang diikuti itu ialah Yahudi dan Nasrani?” Baginda menjawab, “Lantas siapa lagi?” (Hadis riwayat Imam Muslim)*

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sedarlah bahawa kita telah dan masih diuji dengan bermacam bentuk ujian bencana, wabak penyakit dan sebagainya, yang telah memberi kesan besar dalam kehidupan kita. Adakah kita masih belum sedar dengan peringatan-peringatan dan yang telah diturunkan oleh Allah SWT ini dengan kembali melakukan maksiat dan kemungkaran dengan hiburan yang melalaikan? Insaflah wahai saudara-saudaraku! Bahawa dunia ini semakin hampir ke penghujungnya. Banyak tanda yang disebut oleh Rasulullah SAW semakin hari semakin nyata berlaku. Maka, atas dasar kasih-sayang dan persaudaraan sesama Muslim serta tanggungjawab yang besar bagi setiap Muslim untuk memberi nasihat dan peringatan, khatib dari lubuk hati yang ikhlas ingin memberi nasihat dan peringatan agar tinggalkanlah segala kemungkaran dan persiapkanlah diri serta ahli keluarga dengan

secukup-cukupnya bekalan iman dan takwa agar kita tidak tumpas dengan godaan dan rayuan dunia.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dalam khutbah hari ini juga, khatib ingin menyeru kepada semua agar menggunakan tenaga elektrik dengan lebih bijak dan tidak membazir. Penggunaan elektrik yang tidak berhemah akan merugikan kita dan negara. Sikap membazir juga suatu amalan yang sangat dilarang dalam ajaran Islam kerana menyerupai perbuatan syaitan. Setiap pengguna perlu peka, prihatin dan bertanggungjawab serta memberikan kerjasama dalam menangani pembaziran tenaga elektrik dengan memantau penggunaan tenaga elektrik harian. Anak-anak perlu dididik untuk mengamalkan sikap berjimat-cermat kerana ia merupakan salah satu amalan terpuji. Inilah salah satu nikmat yang wajib disyukuri dan dihargai agar ia akan dapat terus dinikmati dan berkekalan. Oleh sebab itu, **Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA)** sedang dalam usaha mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat berhubung isu penggunaan tenaga melalui **Kempen Jimat Tenaga**. Justeru, setiap masyarakat perlu mengambil peranan dan tanggungjawab melatih diri agar sentiasa berjimat-cermat kerana ia bukan sahaja memberi manfaat kepada diri sendiri bahkan manfaat juga kepada negara.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin membuat beberapa kesimpulan;

Pertama: Hiburan merupakan fitrah bagi manusia. Hanya sanya bagi umat Islam, cara dan sempadan batasnya yang perlu dipelihara agar tidak mengundang kemurkaan Allah SWT.

Kedua: Segala bentuk hiburan seperti konsert, pertunjukan fesyen dan sebagainya perlu dikawal dengan lebih tegas bagi mengelakkan kesan buruk yang besar terhadap umat Islam terutamanya dalam kalangan generasi muda yang mudah terpengaruh.

Ketiga: Setiap pengguna mesti mengamalkan sikap berjimat-cermat dalam penggunaan tenaga kerana amalan pembaziran hanya akan merugikan diri sendiri dan negara.

Khatib ingin menutup khutbah pertama ini dengan membacakan firman Allah SWT dari Surah Luqman ayat 6 sebagai renungan kita bersama:

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَشْتَرِي لَهْوَ الْحَدِيثِ لِيُضِلَّ عَن سَبِيلِ اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَيَتَّخِذَهَا هُزُوًا أُولَٰئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ ۝٦

Maksudnya: “Dan ada antara manusia: orang yang memilih serta membelanjakan hartanya kepada cerita-cerita dan perkara-perkara hiburan yang melalaikan; yang berakibat menyesatkan (dirinya dan orang ramai) dari agama Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan; dan ada pula orang yang menjadikan agama Allah itu sebagai ejek-ejekan; merekalah orang-orang yang akan beroleh azab yang menghinakan”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
 وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
 وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
 فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اكَوْغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَدُوكْ بَكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اكَوْغْ، تُونُكُو حَاجِهِ عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونِهِ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَندَرَ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتِهِ وَعَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَأَخْذَلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحَنِّ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
 وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ١٠
 فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
 وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.